

Peranan Badan Mubaligh Kristian dalam Perkembangan Pendidikan Formal Wanita di Sarawak, 1848–1930

The Role of Christian Missionaries in the Development of Women's Formal Education in Sarawak, 1848–1930

*ANITA JUNAIDI

WAN NOORLIZAWATI WAN MAT ALI

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

*Corresponding author: anitajunaidi_94@yahoo.com

Published online: 26 May 2025

To cite this article: Anita Junaidi and Wan Noorlizawati Wan Mat Ali. 2025. Peranan badan mubaligh Kristian dalam perkembangan pendidikan formal wanita di Sarawak, 1848–1930. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(1): 85–99. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.5>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.5>

Abstract. *In Sarawak, the Christian missionaries carried out their Christianisation by establishing missionary schools. Through the establishment of the missionary school, they not only want to Christianise the Dayak and Chinese communities but also the Malay community. James Brooke was seen supporting the effort because he did not prohibit the missionaries' actions. However, the effort was not continued after Francis Thomas McDougall retired in 1866. Despite failing to Christianise the Malay community, the missionaries succeeded in introducing a formal education system for women in Sarawak through the establishment of missionary girls' schools. Therefore, this study was conducted to discussing the role of Christian missionaries in the development of formal education for women in Sarawak. With that, qualitative research has been carried out by analysing the selected sources especially the Sarawak Gazette. Through this study, it can be seen that the Christian missionaries played an important role in the development of women's education because the establishment of girl's schools has given women in Sarawak the opportunity to go to school. Its' also succeeded in changing the public's perception of intelligent women. Following that, the community began to allow their daughters to go to school. In fact, the Sarawak people's itself also setting up their own girl's school. This shows that the Christian missionary were the pioneers of formal education for women in Sarawak.*

Keywords and phrases: *Christianisation, missionaries role, women education, girl's school, Sarawak*

Abstrak. Badan mubaligh Kristian di Sarawak menjalankan dakwah Kristianisasi dengan mendirikan sekolah mubaligh. Melalui penubuhan sekolah tersebut, mereka bukan sahaja ingin mengkristiankan masyarakat Dayak dan Cina tetapi juga masyarakat Melayu. James Brooke dilihat menyokong usaha tersebut kerana beliau tidak melarang perbuatan para mubaligh berkenaan. Namun demikian, usaha itu tidak diteruskan selepas Francis Thomas McDougall bersara pada tahun 1866. Meskipun gagal mengkristiankan masyarakat Melayu, pihak mubaligh berjaya memperkenalkan sistem pendidikan formal untuk kaum wanita di Sarawak menerusi penubuhan sekolah perempuan mubaligh. Justeru, kajian ini dilakukan untuk membincangkan peranan badan mubaligh Kristian dalam perkembangan pendidikan formal untuk wanita di Sarawak. Penyelidikan kualitatif telah dilakukan dengan menganalisis sumber-sumber yang terpilih. Sumber yang banyak digunakan adalah *Sarawak Gazette*. Menerusi kajian ini, badan mubaligh Kristian didapati memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan wanita di Sarawak kerana penubuhan sekolah perempuan oleh badan mubaligh memberi peluang kepada kaum wanita untuk bersekolah. Selain itu, penubuhan sekolah perempuan mubaligh juga berjaya mengubah tanggapan masyarakat terhadap wanita pandai. Susulan itu, masyarakat mula membenarkan anak perempuan mereka bersekolah seperti anak lelaki. Masyarakat Sarawak juga mengikut jejak langkah badan mubaligh dengan mendirikan sekolah perempuan mereka sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa badan mubaligh Kristian merupakan perintis kepada perkembangan pendidikan formal untuk kaum wanita di Sarawak.

Kata kunci dan frasa: Kristianisasi, peranan mubaligh, pendidikan wanita, sekolah perempuan, Sarawak

Pengenalan

Gerakan Kristianisasi di Sarawak telah bermula pada zaman pemerintahan Rajah Brooke yang pertama iaitu Rajah James Brooke. Pada fasa-fasa awal pemerintahannya, James Brooke disibukkan dengan misi memerangi kegiatan lanun sehingga mengabaikan pendidikan masyarakat Sarawak. Masyarakat Dayak khususnya orang Iban sering membuat kekacauan dengan menyerang perkampungan penduduk lain bagi menjalankan adat *ngayau* iaitu tradisi memotong kepala musuh (Kiyai 2021; Pringle 2010, 21–25). Keadaan tersebut menyebabkan penduduk Sarawak yang lain hidup dalam ketakutan kerana bimbang menjadi mangsa orang Iban yang seterusnya. James Brooke selaku Rajah Sarawak berusaha untuk menghentikan kegiatan tersebut dengan melancarkan beberapa siri peperangan melawan orang Iban. Pada masa yang sama, James Brooke turut mengundang pihak gereja Kristian untuk datang berdakwah ke Sarawak (Sabihah 1990, 81). Tindakan James Brooke itu didorong oleh harapan beliau agar pihak gereja dapat membantu dalam memperadabkan masyarakat Dayak khususnya orang Iban (McDougall 1882, 13; Runciman 1960, 165; Sharifah 2022).

Sehubungan itu, jawatankuasa sementara bagi Borneo Church Mission (BCM) telah dibentuk pada 23 April 1846 di London. Jawatankuasa yang terdiri daripada Reverend Charles David Brereton, Lord F. Egerton, Kapten Henry Keppel, Kapten C.R.D. Bethune dan Henry Wise itu mengadakan pertemuan bagi membincangkan permohonan James Brooke yang ingin mewujudkan gerakan dakwah Kristian dibawah Gereja England di Sarawak. Permohonan Brooke berjaya diluluskan oleh Bishop London pada 22 November 1847. Susulan itu, satu jawatankuasa baru telah dibentuk yang diketuai oleh Earl of Ellesmere selaku presiden dan dibantu oleh Reverend H. Stooks sebagai setiausaha. Tujuan pembentukan jawatankuasa ini adalah untuk mengumpul dana dan mengurus perbelanjaan badan dakwah seperti memberikan sumbangan untuk mendirikan sekolah mubaligh. Selain mengutip derma, jawatankuasa ini juga membeli saham kerajaan untuk mendapatkan pulangan modal yang akan digunakan bagi menampung perbelanjaan BCM. Setelah semua persiapan selesai, pada bulan Jun 1847, Archbishop of Canterbury dan Bishop of London melantik Reverend Francis Thomas McDougall untuk mengetuai misi dakwah Anglikan cawangan Society for the Propagation of the Gospel (SPG) ke Sarawak. Badan dakwah ini berjaya sampai di Sarawak pada 29 Jun 1848 (McDougall 1882, 13–15; Sabihah 1990, 81–84; Sharifah 2022). Selain SPG, badan dakwah Roman Katolik (RK), Methodist, Seventh Day Adventists (SDA) dan Borneo Evangelical Mission (BEM) juga turut menjejakkan kaki ke Sarawak. Di Sarawak, badan-badan dakwah ini telah mendirikan sekolah-sekolah mubaligh sebagai strategi mereka untuk mengkristiankan penduduk Sarawak. Sekolah-sekolah yang didirikan tersebut bukan sahaja untuk kaum lelaki tetapi juga untuk kaum perempuan. Natijahnya, pendidikan formal untuk wanita mula berkembang di Sarawak. Justeru, kajian ini dilakukan untuk membincangkan peranan badan dakwah Kristian dalam perkembangan pendidikan formal wanita di Sarawak.

Kajian ini wajar dilakukan kerana kajian tentang peranan mubaligh Kristian dalam perkembangan pendidikan formal wanita di Sarawak jarang diketengahkan. Walaupun terdapat penulisan berkenaan sejarah pendidikan di Sarawak atau kajian berkaitan kegiatan mubaligh Kristian, namun kajian-kajian tersebut tidak menilai impak kegiatan mubaligh kepada pendidikan wanita di Sarawak. Misalnya, Sabihah (1990), Ooi (2001) serta Syed Idrus dan Santhiram (1990) hanya membincangkan perkembangan pendidikan di Sarawak secara umum sahaja. Selanjutnya, Ooi (1996) melalui kertas kerjanya yang bertajuk “Women should be helpmates and not drags upon their husbands: Female education in Brooke Sarawak, 1841–1941” juga mengupas perkembangan pendidikan wanita secara umum sahaja tanpa penjelasan yang mendalam tentang peranan mubaligh Kristian. Sementara itu, Nordi (2013) pula membincangkan motif kolonialisme Barat melalui gerakan Kristianisasi di Sarawak. Jelas beliau, kegiatan Kristianisasi telah

mempengaruhi perkembangan intelektual Melayu di Sarawak ketika berlakunya pertembungan antara intelektual Kristian dengan intelektual Melayu. Seterusnya, Wan Kamal dan Noranizah (2010) membincangkan kesan kegiatan mubaligh Kristian terhadap perkembangan pendidikan Melayu di Sarawak. Menurut mereka, perkembangan agama Kristian telah mendorong golongan agamawan tempatan untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang lebih formal bagi menyaingi sistem pendidikan mubaligh. Sharifah (2022) pula menyatakan misi suci badan dakwah Anglikan untuk mengkristiankan orang Melayu menerusi pendidikan telah menemui kegagalan. Hal ini disebabkan golongan agamawan dan perabangan Melayu berjaya menghidu motif di sebalik pendidikan mubaligh. Selanjutnya, Siti Nuraisah dan Khairi (2020) memerihalkan kesan pendidikan mubaligh di Kuching yang menyebabkan penyebaran agama Kristian dan penyerapan budaya Barat. Berdasarkan tulisan-tulisan tersebut, dapatlah dilihat bahawa para penulis tidak mengetengahkan peranan badan mubaligh dalam perkembangan pendidikan formal wanita di Sarawak.

Bertitik tolak daripada itu, satu kajian kualitatif telah dijalankan dengan menganalisis sumber-sumber yang terpilih. Sumber-sumber tersebut terdiri daripada surat khabar, buku, artikel dan kertas kerja para pengkaji terdahulu. Oleh yang demikian, kajian kepustakaan telah diadakan di Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Universiti Malaya. Artikel-artikel pula diperoleh secara dalam talian. Namun begitu, sumber yang paling banyak digunakan ialah *Sarawak Gazette*. Sebagai akhbar yang wujud pada zaman itu, surat khabar ini banyak mengandungi maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Badan Dakwah Kristian di Sarawak

SPG merupakan badan dakwah pertama yang datang ke Sarawak iaitu pada tahun 1848 dengan berpangkalan di Bahagian Pertama sebelum berkembang ke Bahagian Kedua pada tahun 1850 dan Bahagian Keempat pada tahun 1920 (*Sarawak Gazette* 1957, 5; McDougall 1882, 13–20; Sharifah 2022). Badan dakwah ini diketuai oleh Reverend F.T. McDougall dan dibantu oleh Reverend W. Wright dan Reverend S. Montgomery. Seterusnya, pada tahun 1881, badan dakwah RK juga bertapak di Sarawak. Badan dakwah ini memusatkan kegiatan dakwah mereka di Bahagian Pertama, Ketiga, Keempat dan Kelima (*Sarawak Gazette* 1957, 5; 1931a, 161; Sabihah 1990, 100). Father Jackson telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai misi dakwah ini dengan dibantu oleh Reverend Monseigneur E. Dunn. Selepas itu, pada tahun 1903, Reverend James M. Hoover dari Amerika Syarikat pula sampai di Sibü bagi menyebarkan ajaran Kristian Methodist (*Sarawak Gazette* 1957, 5; 1935a, 31–33; Cartwright 1938, 99; 125). Sementara itu, SDA mula bergerak aktif

di Bahagian Pertama pada tahun 1922, manakala BEM memulakan aktivitinya di Bahagian Kelima pada tahun 1928 dan kemudiannya tersebar ke Lawas pada tahun 1938 (*Sarawak Gazette* 1957, 5; Sabihah 1990, 105–106).

Analisis dan Perbincangan

Peranan badan mubaligh

Peranan badan mubaligh Kristian dalam perkembangan pendidikan formal untuk wanita di Sarawak dapat dilihat menerusi penubuhan sekolah perempuan mubaligh. Sebelum kedatangan badan-badan mubaligh berkenaan, Sarawak tidak mempunyai sekolah perempuan mereka sendiri. Keadaan ini berlaku kerana pada ketika itu, pendidikan hanya dihadkan kepada anak lelaki. Anak perempuan pula tidak digalakkan untuk belajar membaca dan menulis seperti kaum lelaki kerana timbul kebimbangan dalam kalangan ibu bapa bahawa mereka akan melakukan perkara yang tidak bermoral seperti menulis surat cinta kepada lelaki (Brooke 1913, 159). Sebaliknya, anak perempuan hanya dididik dengan kemahiran rumah tangga yang diajar secara langsung oleh ibu mereka di rumah. Oleh sebab itu, rata-rata kaum wanita di Sarawak ketika itu tidak berpendidikan dan buta huruf. Hanya segelintir wanita Melayu, terutamanya daripada golongan kelas atasan, yang mahir membaca dan menulis jawi kerana mereka memperoleh asas pendidikan agama sejak kecil (Ooi 2001, 49; 1996, 3).

Namun demikian, situasi mula berubah selepas kedatangan badan mubaligh Kristian ke Sarawak. Badan-badan mubaligh berkenaan membina banyak sekolah termasuklah sekolah perempuan dan antaranya ialah Sekolah St. Mary, St. Teresa, St. Elizabeth, Yit Ing/Yuk Ing Girls School dan St. Margaret (McDougall 1882, 45–57; Sabihah 1990, 96; 102; Sharifah 2022; Taylor and Heyward 1973, 98; Linda 1998, 1–3; Chew 2004, 151–152). Penubuhan sekolah perempuan tersebut bertujuan untuk menyebarkan ajaran Kristian dalam kalangan wanita. Menurut Nordi (2013, 9), badan mubaligh Kristian ingin menjadikan sekolah mubaligh sebagai alat pengkristianan penduduk Sarawak khususnya orang Melayu. Pendapat Nordi tersebut turut diakui oleh Sharifah (2022) yang menyatakan bahawa pendidikan merupakan pendekatan jangka panjang badan mubaligh untuk mengkristiankan penduduk tempatan. Semasa awal kedatangan SPG ke Sarawak, misi mereka turut merangkumi usaha mengkristiankan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak membuahkan hasil disebabkan oleh penolakan masyarakat terhadap pengaruh agama Kristian. Ekoran itu, bermula daripada tahun 1860, badan mubaligh mula mengubah sasaran mereka kepada masyarakat Cina dan Dayak (Ooi 2001, 38–41; Sabihah 1990, 46–47; Nordi 2013, 9–11; Wan

Kamal dan Noranizah 2010; Sharifah 2022). Ekoran itu, mereka menubuhkan banyak sekolah mubaligh di Kuching dan seluruh Sarawak.

Penubuhan sekolah perempuan mubaligh menjadi titik tolak kepada perkembangan pendidikan formal untuk wanita di Sarawak. Hal ini demikian kerana dengan wujudnya sekolah perempuan tersebut, kaum wanita mula memiliki kesempatan serta tempat untuk menuntut ilmu. Tambahan pula, badan mubaligh Kristian juga melakukan pelbagai cara untuk menarik minat ibu bapa agar menghantar anak perempuan mereka ke sekolah. Misalnya, mereka menyediakan kemudahan asrama, makanan dan tidak mengenakan sebarang bayaran. Bagi keluarga yang miskin, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh sekolah mubaligh tersebut dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mereka (Linda 1998, 4; Wan Kamal dan Noranizah 2010). Oleh itu, mereka secara sukarela menghantar anak-anak ke sekolah mubaligh untuk dijaga dan diberikan pendidikan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui catatan McDougall (1882, 49) yang berikut:

I shall never forget sitting in the porch one morning to receive my new family. Neither parents nor children could speak Malay. They walked up the stairs, bringing a little boy or girl, nodded and smiled and put the child's hand into mine, as much as to say "There, take it".

Di sekolah-sekolah perempuan mubaligh tersebut, kanak-kanak perempuan diajar dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) serta cara-cara mengurus anak, menjahit, menyulam, membuat renda, kebersihan serta pengetahuan asas lain yang berkaitan rumah tangga (Ooi 2001, 62; 85; 1996, 10–11). Setelah tamat belajar, mereka sentiasa menjadi rebutan para lelaki untuk dijadikan isteri. Hal ini memandangkan kaum wanita lulusan sekolah perempuan mubaligh lebih cekap dan mahir dalam mengurus rumah tangga berbanding wanita yang tidak berpendidikan. Kesannya, bilangan ibu bapa yang menghantar anak perempuan ke sekolah mubaligh semakin meningkat dari semasa ke semasa. Di samping itu, terdapat juga pelajar-pelajar lelaki daripada sekolah lelaki Inggeris mendaftar tunang mereka ke sekolah perempuan mubaligh untuk dididik dan dilatih dengan ilmu rumah tangga (Ooi 1996, 11; John 1981, 67). Susulan daripada tindakan tersebut, berlaku peningkatan dalam jumlah pelajar yang mendaftar di sekolah-sekolah mubaligh. Sebagai contoh, bilangan pelajar di Sekolah St. Mary meningkat daripada 35 orang sahaja pada tahun 1901 kepada 480 orang murid pada tahun 1938 (Sabihah 1990, 96; Taylor and Heyward 1973, 65–69; Linda 1998, 4; 10).

Peningkatan bilangan pelajar perempuan tersebut menunjukkan perubahan sikap masyarakat terhadap pendidikan wanita. Mereka semakin menyedari kepentingan pendidikan kepada kaum wanita. Justeru, mereka akhirnya tergerak hati untuk

menubuhkan sekolah perempuan mereka sendiri. Misalnya, orang Cina menubuhkan sekolah perempuan Hokkien manakala orang Melayu menubuhkan Sekolah Kajang Wanita. Bagi masyarakat Cina, tujuan mereka menubuhkan sekolah perempuan Cina adalah kerana mereka bimbang terhadap pengaruh daripada pendidikan Inggeris yang ditawarkan di sekolah mubaligh akan melenyapkan budaya dan tradisi asal nenek moyang mereka. Sementara, masyarakat Melayu pula khuatir akan agenda kristianisasi sekolah mubaligh. Penubuhan sekolah perempuan tersebut secara tidak langsung telah menambahkan bilangan sekolah perempuan sekali gus merancakkan lagi perkembangan pendidikan wanita di Sarawak.

Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah dilihat bahawa badan mubaligh Kristian memainkan peranan yang besar dalam perkembangan pendidikan formal wanita di Sarawak terutamanya semasa pemerintahan rejim Brooke. Hal ini demikian kerana badan-badan mubaligh tersebut telah mempelopori penubuhan sekolah perempuan di Sarawak. Kesan daripada tindakan mereka telah membuka peluang dan ruang kepada kaum wanita untuk mendapatkan pendidikan seperti kaum lelaki. Sejak daripada itu, pendidikan formal dalam kalangan wanita di Sarawak menunjukkan perkembangan yang positif, meskipun secara perlahan.

Sekolah perempuan mubaligh di Sarawak, 1848–1930

Sekolah St. Mary merupakan sekolah perempuan pertama yang didirikan di Sarawak iaitu pada tahun 1850 (*Sarawak Gazette* 1926a, 30; Ooi 1996, 10). Sejarah penubuhan sekolah ini bermula dengan program anak angkat oleh badan dakwah SPG. Pada ketika itu, SPG yang baru bertapak di Sarawak mengalami kesukaran untuk menjalankan kegiatan dakwah mereka. Malah, sekolah mubaligh yang didirikan di bangunan College Hill juga tidak mendapat sambutan daripada penduduk tempatan khususnya orang Melayu. Oleh itu, Reverend F.T. McDougall memohon kepada James Brooke untuk membenarkan beliau menubuhkan “rumah anak yatim” bagi kanak-kanak yang diambil melalui skim anak angkat (Ooi 2001, 32; McDougall 1882, 49–58). Kanak-kanak tersebut tinggal dan menuntut di sekolah mubaligh yang disediakan. Sekolah tersebut dikenali sebagai Home School. Bagi mengelakkan pelajar perempuan dan lelaki bercampur, Harriette McDougall kemudiannya membuka kelas yang berasingan untuk pelajar perempuan (Sabihah 1990, 96–97; Syed Idrus dan Santhiram 1990, 72–74). Pada tahun 1887, kelas tersebut akhirnya berdiri sendiri menjadi Sekolah St. Mary manakala kelas pelajar lelaki menjadi Sekolah St. Thomas. Sebelum diberi nama St. Mary, sekolah tersebut hanya digelar sebagai Girl School. Namun begitu, selepas kedatangan Sister Mary dan Sister Caroline pada tahun 1900, sekolah ini kemudiannya dikenali dengan nama St. Mary sehinggalah sekarang (Taylor and Heyward 1973, 65).

Selain mendapat bantuan daripada kerajaan Brooke, pelajar St. Mary juga mengumpul sendiri dana sekolah mereka dengan mengadakan pertunjukan lakonan dan *sale of work* (jualan hasil tangan) (*Sarawak Gazette* 1932, 2). Awalnya, St. Mary hanya menawarkan pendidikan asas sehingga Standard III (Darjah Lima) sahaja (Ooi 2001, 85; 1996, 11). Namun begitu, pada tahun 1910, Standard IV (Darjah Enam) telah ditambah dan pada tahun 1927, Standard VII (Tingkatan Tiga) juga dimulakan. Seterusnya, bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan pelajar perempuan, Sekolah St. Mary telah menghantar tujuh orang pelajarnya untuk mengikuti peperiksaan Junior Cambridge (JCE) pada tahun 1931 (*Sarawak Gazette* 1936, 88). Lima orang daripada mereka telah berjaya lulus peperiksaan tersebut dengan dua daripadanya merupakan masyarakat Dayak iaitu P.C. Nanag, berbangsa Iban, manakala Si Migaat pula daripada etnik Bidayuh. Di samping itu, SPG turut membuka sebuah sekolah perempuan di Betong pada tahun 1922. Sekolah tersebut dikenali sebagai Sekolah St. Margaret yang diasaskan oleh Ms. Dorothy Nadeh. Beliau merupakan bekas pelajar Sekolah St. Mary yang dilantik oleh SPG sebagai wakil mereka untuk menjalankan kegiatan dakwah Kristian di Betong (Taylor and Heyward 1973, 69; Linda 1998, 7).

Sekolah St. Teresa pula dibuka pada tahun 1885 iaitu selari dengan pengasasan *convent* (biara) di Kuching oleh Congregation of the Franciscan Missionary Sisters of St. Joseph di bawah seliaan Reverend Father A. Haidegggar (*Sarawak Gazette* 1935b, 219; Ooi 1996, 10–11). Namun, hanya dibuka secara rasmi pada tahun 1904, dengan bilangan pelajar seramai 70 orang sahaja (Sabihah 1990, 105; Nordi 2013, 12). Kemudian, sekolah ini digabungkan dengan sekolah perempuan yang baru dibina lalu membentuk Sekolah St. Teresa New Convent pada 20 Oktober 1925 (*Sarawak Gazette* 1925, 284; 1926b, 2; Sabihah 1990, 105). Lokasi sekolah ini terletak di bekas bangunan hospital kanak-kanak bumiputera dan mengajar kurikulum yang sama dengan kurikulum Sekolah St. Mary.

Selain St. Teresa, terdapat juga sekolah *convent* perempuan yang didirikan di Kanowit. Bukti kewujudan sekolah tersebut dapat dilihat dalam catatan Rane Margaret sewaktu lawatan beliau dan Betram Brooke ke Kanowit, “A group of nuns have set up a school for girls, nearby, which is being well attended and productive of good results in the civilization of the people” (Brooke 1913, 213). Selanjutnya, seorang pegawai daerah dari Bahagian Ketiga turut melaporkan tentang kewujudan sekolah biara perempuan di Sibu melalui *Sarawak Gazette* (1927, 15):

I visited the Convent, but school was not in progress owing to a special holiday. Mother Peter showed me around and explained the necessity of another classroom as the present one is far too small for the number of girls.

Pada awalnya, sekolah tersebut dikenali sebagai Sacred Heart Girls School. Hal ini kerana sekolah tersebut merupakan pecahan daripada sekolah lelaki Sacred Heart School yang ditubuhkan pada tahun 1902. Seksyen wanita telah diasingkan pada tahun 1904 untuk membentuk sekolah perempuan. Pada tahun 1958, nama sekolah ditukar kepada St. Elizabeth dan diguna pakai sehingga sekarang (Sacred Heart School Old Students Association n.d.; Official Portal SMK Sacred Heart 2017).

Seterusnya ialah Sekolah Yit Ing/Yuk Ing yang dibina pada tahun 1913 oleh badan dakwah Methodist di Sibu. (*Sarawak Gazette* 1935a, 33; Cartwright 1938, 54–55; Chew 2004, 151–152; Ooi 2001, 61–63). Meskipun sekolah tersebut didirikan oleh badan mubaligh, namun bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa Cina dialek Foochow. Bahasa Inggeris juga diajar tetapi kurang dititikberatkan. Sekolah ini dibuka kepada kaum wanita Cina komuniti Foochow di Sibu dan kawasan sekitarnya. Sesi persekolahan bermula pada sebelah petang sahaja kerana Mary Hoover selaku guru sekolah tersebut perlu mengajar di Sekolah Lelaki Kwang Ang pada sebelah pagi. Selain mengajar di sekolah, Mary Hoover turut mengadakan kelas membaca kitab Injil dari rumah ke rumah khususnya kepada wanita Cina yang tidak dapat bersekolah. Pada bulan September 1926, sekolah ini mencatat bilangan pelajar seramai 99 orang sehingga menyebabkan bangunan asrama diperbesarkan lagi bagi menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah (*Sarawak Gazette* 1926c, 323).

Kesan penubuhan sekolah perempuan mubaligh di Sarawak

Penubuhan sekolah perempuan mubaligh memberi kesedaran kepada masyarakat Sarawak bahawa anak perempuan juga perlu diberi pendidikan seperti anak lelaki. Hal ini memandangkan wanita yang berpendidikan biasanya akan melahirkan anak-anak yang berjaya. Ilmu yang diperoleh di sekolah menjadikan mereka lebih cekap dalam mengurus rumah tangga dan mendidik anak-anak. Disebabkan perkara itu, kaum wanita lepasan sekolah mubaligh menjadi popular dalam kalangan kaum lelaki. Sebagai contoh, pelajar perempuan lepasan Sekolah Yuk Ing sentiasa menjadi rebutan para pemuda Cina di Sibu untuk dijadikan sebagai isteri (*Sarawak Gazette* 1947, 167). Namun demikian, bukan semua masyarakat Sarawak berminat dengan pendidikan Inggeris. Keadaan ini dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Cina konservatif yang masih ingin mengekalkan kebudayaan Cina yang dibawa daripada tanah besar China (Ooi 2001, 55–56). Bertitik tolak daripada itu, komuniti Hokkien di Kuching telah mengasaskan sekolah perempuan Cina yang pertama pada bulan Ogos 1927 (*Sarawak Gazette* 1929a, 195; Sarawak Heritage Society 2016, 3–4; Ong et al. 2014, 44). Sekolah tersebut dibuka di bangunan kayu yang berdekatan dengan bangunan Hokkien Free School. Kurikulum yang ditekankan

adalah berkaitan bahasa dan kebudayaan Cina manakala bahasa Inggeris pula kurang dititikberatkan.

Pada bulan Februari 1928, pihak komuniti Hokkien berjaya mendapatkan khidmat guru perempuan untuk mengajar di sekolah berkenaan. Dalam pada itu, kerja-kerja pembinaan bangunan sekolah perempuan baru yang lebih luas dan selesa juga sedang giat dijalankan. Seni bina bangunan sekolah tersebut merupakan hasil tangan Tan Boon Siew, Ewe Chai dan William Tan. Bangunan sekolah yang menelan kos sebanyak \$15,500 (dolar Sarawak) tersebut berjaya disiapkan pada bulan Oktober 1929. Upacara perasmian sekolah dilakukan oleh Mr. F.F. Boulton, Residen Bahagian Pertama bagi menggantikan Rajah Vyner Brooke yang tidak dapat hadir kerana berada di luar negara. Bangunan sekolah dua tingkat itu menempatkan rumah guru perempuan di tingkat atas manakala tingkat bawah untuk bilik darjah. Bagi menggalakkan ibu bapa menghantar anak perempuan mereka ke sekolah tersebut pula, pelajar miskin dikecualikan daripada membayar yuran namun pelajar yang berkemampuan dikehendaki membayar sebanyak \$1 ke \$1.50 setahun. Guru pula dibayar gaji sebanyak \$2,880 setahun.

Seperti masyarakat Cina konservatif, masyarakat Melayu khususnya golongan agamawan juga turut kluatir dengan pengaruh sekolah mubaligh. Hal ini memandangkan sekolah mubaligh bukan sahaja mempunyai motif kristianisasi tetapi juga bersifat sekular. Sistem pendidikan tersebut jauh berbeza dengan corak pendidikan tradisional masyarakat Melayu. Justeru, golongan agamawan Sarawak berusaha untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang formal kepada masyarakat Melayu termasuklah bagi kaum wanita (Wan Kamal dan Noranizah 2010) kerana badan mubaligh turut menubuhkan sekolah untuk kaum wanita. Menurut Nordi (2013, 12), pembukaan sekolah perempuan mubaligh menyedarkan masyarakat Melayu bahawa mereka telah ketinggalan dalam memberi pendidikan Inggeris kepada anak perempuan mereka.

Susulan itu, bagi menyaingi sekolah perempuan mubaligh, golongan agamawan dan perabangan Melayu seperti Datu Hakim Imam Haji Morshidi, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan Haji Abang Bolhassan bin Haji Daud telah menubuhkan Sekolah Kajang Wanita (Idris 2018, 142; Mansor 2003, 556–564; Wan Kamal dan Noranizah 2010). Sekolah ini menyediakan pelajaran agama Islam kepada kaum wanita Melayu bagi memastikan mereka tidak terus ketinggalan dalam pelajaran. Sebagai contoh, kaum wanita belajar mengaji al-Quran, tauhid, fikah, hadis dan sebagainya. Penekanan kepada pelajaran agama dilakukan kerana masih ramai dalam kalangan wanita Melayu yang jahil tentang agama Islam lantaran terdapat larangan belajar dikenakan kepada kaum wanita sebelum ini. Akibatnya, ramai wanita Melayu yang tidak pandai membaca dan menulis jawi. Oleh itu, pendidikan

Islam wajib diberi perhatian yang sewajarnya agar wanita Melayu tidak mudah terpengaruh dengan agenda kristianisasi sekolah mubaligh. Menurut Suffian (2003, 561), sekolah ini kemudiannya menjadi batu loncatan dalam mendirikan Sekolah Permaisuri.

Selain sekolah tersebut, terdapat juga beberapa buah sekolah perempuan Melayu yang tidak diketahui namanya tetapi terdapat rekod tentang kewujudannya. Misalnya di Sibul, terdapat sekolah perempuan Melayu persendirian yang dibina di Kampung Datu (*Sarawak Gazette* 1931b, 276; Syed Idrus dan Santhiram 1990, 93). Begitu juga di Miri, terdapat rekod tentang penubuhan sekolah perempuan Melayu yang dibina sekitar awal tahun 1930-an (Hammond 1937, 97). Dalam pada itu, terdapat juga sekolah lelaki yang membuka kelas untuk kaum wanita. Contohnya, Sekolah Lelaki Saratok dan Paloh menyediakan kelas khas untuk pelajar perempuan (Sabihah 1990, 61–62). Government Lay School juga turut menyediakan seksyen khas untuk pelajar perempuan (Ooi 1996, 7). Walaupun demikian, bilangan pelajar perempuan yang sedikit dengan tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan pelajar menyebabkan kebajikan dan kepentingan mereka sering kali diabaikan (Hammond 1937, 97; Nordi 2013, 7; Sabihah 1990, 62).

Kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada kaum wanita juga turut menyebabkan masyarakat Melayu memohon kepada kerajaan Brooke untuk membina sekolah perempuan Melayu disebabkan mereka melihat kemajuan pendidikan wanita Cina berbanding wanita Melayu. Di sekolah-sekolah perempuan mubaligh misalnya, bilangan pelajar perempuan Cina mendominasi jumlah keseluruhan murid (Linda 1998, 7; Taylor and Heyward 1973, 65–72; Ooi 1996, 15). Hal ini kerana masyarakat Cina tidak mempunyai halangan agama untuk menghantar anak ke sekolah mubaligh berbanding masyarakat Melayu yang khuatir anak mereka dikristiankan. Pada masa yang sama, masyarakat Cina daripada golongan tauke yang kaya-raya juga banyak menubuhkan sekolah persendirian jenis *co-educational* (campuran). Secara tidak langsung, faktor ini memberikan kaum wanita Cina lebih banyak pilihan sekolah sekali gus menjadikan pendidikan mereka lebih maju berbanding dengan kaum wanita Melayu dan Dayak.

Sehubungan itu, bagi mengelakkan kaum wanita Melayu terus ketinggalan dalam pelajaran, masyarakat Melayu meminta kerajaan Brooke untuk mendirikan sekolah perempuan Melayu. Cadangan tersebut dikemukakan oleh Datu Bandar Abang Kasim pada tahun 1894 (Sabihah 1990, 61–62; *Sarawak Gazette* 1929b, 208). Namun sayangnya, cadangan tersebut tidak pernah dilaksanakan sehinggalah pada tahun 1925 ketika Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mencadangkan semula usul tersebut semasa Majlis Hari Tahunan Government Lay School. Kerajaan

Brooke bersetuju dengan idea tersebut serta membenarkan kerja-kerja pembinaan sekolah perempuan dilakukan segera. Sekolah ini bermula pada tahun 1926, namun bangunan sekolah masih dalam proses pembinaan. Oleh itu, kelas-kelas perempuan diadakan di rumah panjang Datu Patinggi Abang Haji Abdillah buat sementara waktu. Selepas bangunan sekolah siap pada tahun 1930, murid-murid perempuan mula dipindahkan ke sekolah berkenaan. Sekolah perempuan yang siap dibina itu telah diberi nama Sekolah Permaisuri. Nordi (2013, 7) menjelaskan bahawa pemilihan nama tersebut melambangkan aspirasi dan inspirasi Cikgu Lily Eberwein selaku guru besar sekolah pertama dalam memartabatkan hak, kedudukan dan peranan wanita dalam kalangan masyarakat Melayu sezaman.

Sekolah Permaisuri menawarkan kurikulum 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta mata pelajaran khusus seperti jahitan, masakan dan kraf tangan. Pada awal penubuhannya, Sekolah Permaisuri masih kurang mendapat sambutan, namun menjelang tahun 1933, berlaku pertambahan pelajar sebanyak 51 orang (*Sarawak Gazette* 1933, 10). Selain itu, di bawah kendalian Cikgu Lily Eberwein, Sekolah Permaisuri menunjukkan pencapaian yang luar biasa apabila tujuh orang pelajar sekolah ini telah lulus peperiksaan ke kelas bahasa Inggeris pada tahun 1940 (Sabihah 1990, 62). Secara tidak langsung, para pelajar tersebut berpeluang untuk melanjutkan pelajaran peringkat atas di madrasah Melayu seperti pelajar lelaki.

Penubuhan Sekolah Permaisuri dianggap sebagai pencapaian besar (*notable achievement*) oleh Ooi (1996, 12) kerana berjaya merobohkan benteng masyarakat konservatif yang menentang pendidikan wanita. Nordi (2013, 7) pula memerihalkan penubuhan sekolah tersebut sebagai perkembangan dramatik dalam sejarah penubuhan sekolah Melayu khususnya sekolah perempuan di Sarawak kerana sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah perempuan Melayu bantuan kerajaan yang pertama dan terakhir sepanjang pemerintahan Brooke. Penubuhan sekolah ini sekali gus menyaksikan perubahan sikap masyarakat dan kerajaan Brooke terhadap pendidikan wanita. Sementara itu, Syed Idrus dan Santhiram (1990) pula menyifatkan pembinaan sekolah ini sebagai kemenangan besar kaum wanita kerana mereka akhirnya diberi hak untuk mendapat pendidikan seperti kaum lelaki.

Kesimpulan

Tuntasnya, kemasukan golongan mubaligh di Sarawak bukan sahaja berjaya mengkristiankan penduduk Sarawak tetapi mereka juga telah menjadi perintis kepada perkembangan pendidikan formal untuk wanita di Sarawak. Hal ini memandangkan, sebelum kedatangan badan mubaligh tersebut, Sarawak tidak

mempunyai sekolah perempuan kerana kaum wanita dilarang untuk belajar membaca dan menulis seperti kaum lelaki. Justeru, pendidikan wanita mula mendapat perhatian sewajarnya dengan kedatangan badan mubaligh. Badan-badan mubaligh tersebut telah mendirikan sekolah termasuklah sekolah perempuan dalam usaha untuk menyebarkan ajaran Kristian. Pelajar perempuan lulusan sekolah mubaligh sering menjadi rebutan kaum lelaki kerana mereka berpendidikan dan cekap dalam urusan rumah tangga. Rentetan itu, masyarakat mula melihat kebaikan dalam memberi pendidikan kepada anak perempuan.

Rujukan

- Brooke, M. 1913. *My life in Sarawak*. London: Methuen.
- Cartwright, F.T. 1938. *Tuan Hoover of Borneo*. New York: The Abingdon Press.
- Chew, D. 2004. *Chinese pioneers on the Sarawak frontier 1841–1941*. New York: Oxford University Press.
- Hammond, R.W. 1937. *Report education in Sarawak*. Sarawak, Malaysia: Arkib Negeri Sarawak.
- Idris Zakaria. 2018. Peranan Dato' Hakim Imam Haji Morshidi dalam pendidikan Islam di Sarawak. In *Ulama dan perkembangan Islam di Sarawak dan Sabah*, eds. Farid Mad Zain and Izziah Suryani Mat Resad@Arshad, 138–144. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- John, R. 1981. A history of the Catholic church in East Malaysia and Brunei (1880–1976). PhD diss., University of London.
- Kiyai, G. 2021. Sejarah budaya *ngayau* dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Borneo Akhailogia* 6(1): 121–130.
- Linda, O.L. 1998. *History of St. Mary's School Kuching 1848–1998*. Sarawak, Malaysia: St. Mary's School Board of Management.
- McDougall, H. 1882. *Sketches of our life in Sarawak*. London: Society for Promoting Christian Knowledge.
- Nordi Achie. 2013. *Kolonialisme dan Kristianisasi Melayu di Sarawak 1850–1950*. Sabah, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Official Portal SMK Sacred Heart. 2017. History of Sacred Heart School. Retrieved from https://www.shssibu.com/index.php?option=com_content&view=article&id=329&Itemid=739&lang=en (accessed 22 January 2023).
- Ong, P.L., Ong, P.H., Selvadurai, S., Marsitah Mohd Radzi and Badariah Saibeh. 2014. The making of Malaysian solidarity: A historical look at education and social cohesion in Sarawak. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10(1): 36–48.
- Ooi, K.G. 2001. *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*. Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- . 1996. Women should be helpmates and not drags upon their husbands: Female education in Brooke Sarawak, 1841–1941. Paper presented at the 6th International Interdisciplinary Congress on Women, Adelaide, Australia, 22–26 April.

- Pringle, R. 2010. *The white rajahs: A history of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: The University Press.
- Runciman, S. 1960. *The white rajahs: A history of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: The University Press.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak: 1841–1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sacred Heart School Old Students Association. n.d. History of Sacred Heart School. Retrieved from <https://sacredheart.com.my/main/history/> (accessed 22 January 2023).
- Sarawak Gazette*. 1957. Ulu lordsfeed. 31 January. Sarawak, Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1947. Mary Hoover. 1 September. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1936. Cambridge local examinations. 1 April. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1935a. Obituary. 1 March. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1935b. Obituary. 2 December. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1933. Pemberitaan sekolah-sekolah Melayu yang dilafazkan oleh Tuan Haji Bol Hassan. 3 January. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1932. St. Mary's School prize giving. 2 January. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1931a. Grand jubilee of the Roman Catholic mission to Sarawak. 1 August. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1931b. Third Division news. 1 December. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1929a. Opening of the new girls section of the Hockien Free School. 1 November. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1929b. Notes. 2 December. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1927. Monthly reports: Third Division. 3 January. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1926a. Proposed extension to S. Thomas School. 1 February. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1926b. 1925. 2 January. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1926c. Monthly reports: Third Division. 1 December. Malaysia: Sarawak State Library.
- _____. 1925. 2 November, 284. Malaysia: Sarawak State Library.
- Sarawak Heritage Society. 2016. The old Hokkien school building, Kuching, Sarawak (1911). *Sarawak Heritage Society* 1: 1–5.
- Sharifah S. Ahmad. 2022. The irrationality of Malay proselytisation: The failure of education as a tool for “civilising” native. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29(1): 51–70. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.3>
- Siti Nuraisah Halimi and Khairi Arifin. (2020). Kesan perkembangan pendidikan sekolah mubaligh di Kuching, 1848–1963. *Jurnal Perspektif* 12(2): 33–41.
- Suffian Mansor. 2003. Cabaran perkembangan Islam di Sarawak zaman pemerintahan keluarga Brooke: Satu kajian umum. In *Prosiding nadwah ulama nusantara ii sumbangan ulama dan tokoh agama Borneo: Ulama penggerak pembangunan masyarakat*, eds. Farid Mad Zain and Izziah Suryani Mat Resad@Arshad, 556–564. Selangor, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Syed Idrus Syed Ahmad and Santhiram, R. 1990. *Perkembangan pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, B. and Heyward, P.M. 1973. *The Kuching Anglican schools 1848–1973*. Sarawak, Malaysia: Lee Ming Press Co.
- Wan Kamal Mujani and Noranizah Yusuf. 2010. Islam dan missionari di Sarawak: Kesan terhadap pendidikan pada zaman Crown Colony, 1841–1941. *Sosiohumanika* 3(2): 219–242.